

**KEMENTERIAN KEWANGAN**  
**Wisma Kewangan**  
**88593 Kota Kinabalu**  
**Sabah, Malaysia**  
**Tel.: 088-251513/251514/251516**  
**Faks: 088-237605**  
**Website: www.mof.sabah.gov.my/**

**Tel.** : 252692  
**Bil.** : KEW(S)300-1/1/1 Klt. 17/(65)  
**Tarikh** : 04 Januari 2010

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri  
Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu  
Semua Presiden Majlis Perbandaran  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah

Y.Bhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI (SPK) BIL. 3  
TAHUN 2010 – HAD NILAI DAN SYARAT-SYARAT LANTIKAN/ PEMBELIAN  
TERUS BAGI KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

**1. Tujuan**

- 1.1 Surat Pekeliling Kementerian Kewangan (SPK) ini bertujuan untuk memaklumkan perubahan kepada had nilai dan syarat-syarat lantikan / pembelian terus bagi Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan.

KEW(S)300-1/1/1 Kit. 17/(65)  
04 Januari 2010

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI (SPK) BIL. 3 TAHUN 2010 – HAD NILAI DAN SYARAT-SYARAT LANTIKAN/ PEMBELIAN TERUS BAGI KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

---

**2. Latar Belakang**

2.1 Peraturan lantikan/ pembelian terus pada masa ini menetapkan perolehan di bawah **RM10,000** boleh diperolehi daripada mana-mana pembekal/syarikat yang berdaftar dengan **PUKONSA** (Pusat Pendaftaran Kontraktor-kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah) dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** sama ada bertaraf Bumiputera atau Bukan Bumiputera.

**3. Had Nilai dan Syarat-syarat Lantikan/ Pembelian Terus Bagi Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan**

3.1 Syarat-syarat lantikan/pembelian terus bagi kerja, bekalan dan perkhidmatan seperti di atas adalah dengan ini dipinda dan ditetapkan seperti berikut:-

- i) Pembelian setiap jenis item yang melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan sehingga **RM20,000** boleh dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan **PUKONSA** sama ada bertaraf Bumiputera atau Bukan Bumiputera; dan
- ii) Kerja yang bernilai tidak melebihi **RM20,000** boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor **Kelas F** yang berdaftar dengan **PUKONSA** di bawah kepala dan sub-kepala yang berkaitan dan **CIDB** dalam gred dan kategori yang berkaitan.

KEW(S)300-1/1/1 Klt. 17/(65)  
04 Januari 2010

**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI (SPK) BIL. 3 TAHUN 2010 – HAD NILAI DAN SYARAT-SYARAT LANTIKAN/ PEMBELIAN TERUS BAGI KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

---

**4. Tanggungjawab Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan**

4.1 Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk merancang perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang diurus melalui lantikan/pembelian terus agensi dan memastikan ianya tidak dipecah kecil untuk mengelak sebutharga atau tender. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan perolehan yang melebihi had nilai lantikan/pembelian terus dibuat mengikut peraturan perolehan semasa yang ditetapkan.


5. Unit Audit Dalam agensi (jika ada) adalah dikehendaki memantau pelaksanaan perolehan secara lantikan/pembelian terus bagi memastikan agensi mematuhi peraturan yang ditetapkan. Satu rekod lengkap mengenai kerja/perkhidmatan yang dibuat/jenis item yang dibeli, nama pembekal/syarikat dan nilai perolehan hendaklah disimpan oleh agensi dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal/ Ketua Jabatan setiap tiga (3) bulan serta disalinkan kepada Unit Audit Dalam agensi.

**6. Kuat Kuasa**

6.1 SPK ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"JIMAT DAN PRODUKTIF"**

  
( Yusoff bin Datuk Hj. Mohd. Kassim, PGDK )  
Setiausaha Tetap

s.k. Pengarah,  
Jabatan Audit Negara,  
KOTA KINABALU